

KELANGSUNGAN BAHASA MELAYU DALAM SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA
oleh Alis Puteh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015. Halaman 350. ISBN 978-983-46-1433-1.

Buku ini ditulis untuk mendedahkan segala pahit getir pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara khususnya dan di rumpun Melayu amnya. Buku ini terdiri daripada enam bab dan setiap bab mengandungi beberapa tajuk kecil. Buku ini amat menarik kerana segala bab yang diperincikan berkaitan dengan bahasa dalam sistem pendidikan, yang merangkumi aspek sejarah, perundangan, bahasa dan politik, pemikiran tentang hubungan bahasa dengan pembangunan dan perpaduan, perjuangan bahasa yang perlu diteruskan.

Dalam bab pertama yang *Isu Bahasa Pengantar Di Malaysia*, penulis mengetengahkan kesan penjajahan terhadap negara yang dijajah. Menurut beliau, semua negara yang pernah dijajah berkongsi gejala yang sama, iaitu mewarisi model pendidikan penjajah. Tambahnya lagi, hal ini dapat dilihat di India, Burma, Sri Lanka, Malaysia dan sebagainya. Negara-negara bekas jajahan ini telah mewarisi dan mengamalkan sistem pendidikan Barat. Keadaan ini memberikan kesan buruk kerana sistem falsafahnya mengamalkan sistem sekular dan liberal. Dalam usaha membebaskan daripada pengaruh penjajah selepas mencapai kemerdekaan, beliau menjelaskan proses pembinaan falsafah pendidikan bagi membina masyarakat yang adil dan menolak ketidakadilan akibat amalan penjajah. Laporan Razak pada tahun 1956 dilihat sebagai oleh beliau sebagai dokumen pertama yang menyentuh persoalan falsafah pendidikan, dan sebagai satu untuk menolak kesan penjajahan sebelum diperincikan seperti yang digunakan pada hari ini. Beliau menolak pandangan yang mengatakan tujuan pendidikan adalah untuk memenuhi pasaran global. Oleh itu, beliau menekankan bahawa matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan insan baik dan adil yang difahami sebagai insan yang bahagia.

Dalam bab ini juga, penulis tersebut mendedahkan secara ringkas isu dasar bahasa pengantar pada era 1970-an dan 1980-an. Dalam membicarakan isu ini, beliau banyak memetik pandangan ahli bahasa. Antara pandangan yang dipertik ialah pandangan Annamalai (2002) yang mengatakan bahawa isu dasar bahasa pengantar timbul akibat penyejagatan pendidikan dan penerimaan politik terhadap kepelbagaian bahasa. Selain itu, pandangan Tellefson (2004) turut diketengahkan dalam bab ini. Tellefson (2004) mengatakan bahawa bahasa peribumi di negara bekas jajahan merupakan bahasa yang mundur dan tidak bertamadun, dan untuk memodenkan negara tersebut bahasa peribumi perlu dihapuskan.

Dalam menghuraikan isu ini, penulis tersebut mengemukakan faktor-faktor utama dalam pemilihan bahasa rasmi dan bahasa pengantar. Antara faktor yang dimaksudkan ialah faktor politik, sosial dan ekonomi. Faktor politik merupakan faktor utama dalam penentuan pemilihan bahasa rasmi dan bahasa pengantar khususnya negara-negara yang mempunyai kelompok etnik dan bahasa yang pelbagai, dan hal ini dilakukan oleh pemimpin bagi mengelak perpecahan dan

kemungkinan peperangan saudara. Banyak contoh negara yang menentukan pemilihan bahasa berdasarkan faktor politik, dan yang terdekat dengan negara kita ialah Filipina dan Singapura.

Satu isu penting yang turut dihuraikan dalam bab ini ialah *Dikotomi Fishman 1968: Nasionalisme dan Nasionisme* dan mengetengahkan bantahan yang dilakukan oleh Hassan terhadap teori Fishman tersebut. Menurut penulis, Fishman (1968) telah mengembangkan satu teori bagi menghuraikan fungsi bahasa untuk melahirkan *kesedaran bangsa*, dan *membangunkan bangsa*. *Kesedaran bangsa* ini diistilahkan sebagai *nasionalisme*, manakala *membangunkan bangsa* pula diistilahkan sebagai *nasionisme*. Menurut teori Fishman (1968), bahasa peribumi tidak boleh digunakan untuk membangunkan sesebuah negara kerana bahasa ini tidak boleh berfungsi sebagai pemacu pendidikan (terutamanya pendidikan lanjutan), ekonomi, industri, sains dan teknologi. Bahasa peribumi hanya berfungsi sebagai bahasa kebangsaan dan dan membentuk jati diri bangsa sahaja. Peranan pembangunan negara perlu diberikan kepada bahasa komunikasi yang lebih meluas, seperti bahasa Inggeris, bahasa Spanyol atau Perancis. Namun demikian, pandangan Fishman dikritik oleh Hassan (2002), yang menegaskan bahawa dasar bahasa yang paling sesuai untuk negara-negara bekas jajahan, seperti negara-negara di Afrika dan di Asia ialah dasar dwibahasa yang memainkan peranan yang berbeza-beza dalam masyarakat. Bab ini diakhiri dengan penegasan melalui petikan ayat oleh Hassan “tidak ada lagi setakat ini sebuah negara itu maju dengan menggunakan bahasa dan budaya asing (Hassan Ahmad, 2002).

Dalam bab 2, iaitu *Sistem Pendidikan Malaysia*, penulis memberikan tumpuan khusus terhadap isu bahasa dalam sistem pendidikan di Malaysia. Terdapat tiga perkara utama yang diketengahkan dalam bab itu, iaitu (i) sejarah, (ii) sistem dan (iii) kelemahan sistem pendidikan di Malaysia. Dalam menghuraikan sejarah pendidikan, penulis bermula dengan sistem pendidikan abad ke-19. Sejarah pendidikan Malaysia pada abad ke-19 itu memperlihatkan peranan penjajah dalam memperkenalkan sistem pendidikan sekular. Menurut beliau, sistem pendidikan sekular mula diperkenalkan di sekolah-sekolah agama dengan menggunakan bahasa Melayu. Pendekatan yang diambil oleh British dalam sistem pendidikan berdasarkan dua objektif utama, iaitu mengekalkan struktur sosial orang Melayu dan memodenkan golongan kerabat diraja. Penulis membuktikan pernyataan ini dengan memetik laporan Mesyuarat Majlis Persekutuan, Neger-negeri Melayu Bersekutu yang berbunyi “*kamu boleh mengajar orang Melayu supaya mereka kekal di sawah padi, supaya mereka tidak lupakan kemahiran menangkap ikan dan melakukan kerja-kerja di hutan. Ajarkan mereka kerja-kerja kasar supaya tidak semua mereka menjadi kerani*” (2015:34).

Selain itu, bab ini turut menyentuh beberapa kelemahan yang wujud dalam sistem pendidikan yang kita warisi hari ini. Penulis menghuraikan Laporan Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) sebagai dua dasar yang mempunyai kelemahan kerana ia digubal berdasarkan matlamat politik. Buku tersebut memetik pandangan Zainal Abidin (1980) yang mengatakan

bahawa “dari segi politik, pihak pemerintah berpandangan bahawa untuk mencapai kemerdekaan dan mengekalkan kestabilan negara, kerajaan perlu mewujudkan kesepakatan antara pelbagai kelompok etnik ini dengan adanya tolak ansur. Walau bagaimanapun, matlamat laporan-laporan ini hanya sekadar pernyataan objektif politik tanpa program tindakan pendidikan yang khusus. Laporan Razak mengandaikan bahawa perpaduan kebangsaan dapat dicapai dengan pelaksanaan sistem sekolah yang ketat dan seragam. Namun demikian, ia gagal kerana rakyat masih hidup terpisah. Dasar ini gagal kerana masih mengekalkan sistem pendidikan pelbagai aliran walaupun menggunakan mata pelajaran atau silibus yang sama. Hal ini dibuktikan dengan pendafataran pelajar Cina yang terlalu kecil di Sekolah Kebangsaan, dan pelajar Melayu semakin ramai memilih sekolah agama. Hal ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan Malaysia gagal mencapai matlamat untuk menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia.

Selain itu, penulis turut mengatakan bahawa sistem pengajaran dan pembelajaran yang tidak menekankan aspek komunikasi dan aspek berfikir secara analitis di semua peringkat sekolah, dan hanya sedikit penekanan diberikan di peringkat universiti sebagai satu kelemahan dalam sistem pendidikan. Penulis juga melihat kelemahan dari sudut peraturan dan undang-undang, seperti undang-undang menagkap pelajar yang bergiat aktif dengan politik dan mengkritik kerajaan melalui Akta Universiti dan Kolej Univesiti, Akta Keselamatan dalam Negeri, Akta Hasutan dan sebagainya. Undang-undang ini dilihat sebagai satu masalah yang wujud dalam sistem pendidikan kerana ia menyekat pelajar dan rakyat untuk mengkritik kerajaan. Sekatan ini melahirkan pelajar yang hanya bijak menyalin nota, menghafal nota kuliah, belajar secara latih tubi, dan meluahkan semula apa yang dihafal ke dalam kertas peperiksaan akhir.

Satu lagi kelemahan utama yang diketengahkan dalam buku ini, iaitu kawalan ketat oleh Kementerian Pendidikan terhadap sistem pendidikan. Kementerian Pendidikan dilihat sebagai satu bentuk kawalan politik telah banyak mempengaruhi pembangunan dan perubahan dalam sistem pendidikan. Antara aspek yang menjadi tumpuan kawalan ialah aspek kurikulum atau silibus sehinggalah pemilihan, percetakan dan pendedaran buku teks. Oleh itu, penulis tersebut menyarankan agar peranan Kementerian Pendidikan berubah daripada terlalu mengawal kepada badan yang mengawal selia dan merangsang pembaharuan. Tambahnya lagi, dengan cara ini, bidang pengajaran dan hal-hal yang berkaitan dengan penyampaian ilmu tidak seharusnya dimonopoli sepenuhnya oleh birokrasi kementerian dan ahli-ahli politik.

Penulis buku tersebut turut melihat pemisahan sekolah mengikut kaum sebagai satu kelemahan besar sistem pendidikan di Malaysia. Pelajar-pelajar di peringkat usia muda lagi mereka terpisah dengan kaum-kaum lain. Dengan pengertian lain, pelajar-pelajar membesar dalam kalangan etnik mereka sahaja, daripada sekolah rendah hingga menengah. Mereka hanya bergaul di peringkat universiti. Sistem ini diwarisi daripada sistem pendidikan penjajah dan pemimpin pada hari ini pula, walaupun Malaysia telah mencapai kemerdekaan lebih separuh abad, masih lagi mengekalkan sistem yang sama dengan penjajah.

Banyak lagi masalah pendidikan yang diuraikan oleh buku ini. Antaranya ialah sistem mengasingkan pelajar berdasarkan kebolehan akademik di peringkat usia terlalu muda; ahli akademik tidak bebas menyuarakan pandangan berkaitan hal-hal politik; guru-guru tidak diberikan peluang untuk menunjukkan inisiatif dan kreativiti mereka; kehilangan sentuhan kemanusiaan dalam sistem pendidikan; sekolah semakin besar dan sukar untuk diuruskan; perubahan dasar dan kaedah pendidikan yang terlalu kerap berubah; ideologi kebangsaan, dan banyak lagi masalah dan kelemahan pendidikan yang diketengahkan dalam bab buku ini.

Bab ketiga pula bertajuk *Kronologi Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar*. Bahagian ketiga ini menguraikan perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Terdapat empat garis masa yang diuraikan dalam melihat peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di Tanah Melayu, iaitu seperti berikut (i) tahun 1800 – 1945, (ii) tahun 1945 – 1970, (iii) tahun 1970 – 1990 dan (iv) tahun 1990 – 2000.

Empat garis masa ini diperjelaskan mengikut suasana dan peristiwa yang berlaku. Pada era 1800-1945 dikategori sebagai era Dasar Polarisasi pada Zaman Penjajahan, manakala tahun 1945-1970 dikategorikan sebagai zaman Dasar Reformasi Pendidikan pada Era Nasionalisme. Garis masa ketigam iaitu antara tahun 1970-1990 pula dirujuk sebagai zaman Dasar Pendidikan Inovatif dalam Era Integrasi Nasional. Garis masa terakhir pula dilihat sebagai Dasar Liberalisasi Pelajaran dalam Era Globalisasi.

Penulis tersebut memetik dua pandangan tentang sistem pendidikan pada zaman kolonial. Pendapat pertama mengatakan dasar pendidikan pada zaman ini tidak terancang, manakala pendapat lain mengatakan bahawa sistem pada masa itu adalah cukup sistematik dan menyeluruh dengan tujuan menjana sebuah masyarakat kapitalis. Beliau memetik pendapat Bokhorst (1993) yang mengatakan bahawa penjajah Barat mempunyai agenda tersirat dalam dasar-dasar pendidikan dan bahasa, dan ia jelas melalui latar belakang politik, ekonomi dan pembangunan sosial Malaya pada masa itu. Dari segi pelaksanaan, buku ini memperlihatkan tindakan British yang membuat sistem pendidikan pelbagai aliran. Pada sekitar 1920-an, contohnya golongan kerabat diraja menerima pendidikan Inggeris, manakala rakyat jelata menerima pendidikan vernakular. Manakala kaum bukan Melayu pula diberikan pendidikan yang tinggi sehingga golongan ini mendominasi golongan profesional di kawasan-kawasan bandar. Keadaan ini yang dikatakan sebagai proses “pecah dan perintah” melalui sistem pendidikan. Dalam konteks bahasa pengantar, bahasa Melayu hanya sebagai bahasa yang digunakan dalam sekolah vernakular.

Dari segi garis masa kedua, pada zaman ini dilihat sebagai satu zaman reformasi pendidikan, iaitu pada zaman era nasionalisme, sekitar tahun 1945 -1970. Dalam membincangkan dasar reformasi ini, beliau memberikan perkembangan dasar dan sistem pendidikan yang diperkenalkan sepanjang tahun tersebut. Antara dasar yang diketengahkan ialah Dasar dan Tindakan Jepun semasa menduduki Tanah Melayu, Dasar Cheeseman 1946, Jawatankuasa Carr-

Saunders 1947, Jawatankuasa Perhubungan Kaum 1949, Laporan Jawatankuasa Pwnasihat bagi Pendidikan 1949, Laporan Bernes 1951, Laporan Fenn-Wu 1951, Jawatankuasa Penasihat Laporan Pendidikan 1951, Laporan Razak 1956, Ordinan Pendidikan 1957, Laporan Abdul Rahman Talib 1960, akta pelajaran 1961.

Huraian yang dilakukan terhadap setiap dasar dan laporan pendidikan pada era nasionalis ini memperlihatkan kerencaman sistem pendidikan. Pelbagai usaha telah dilakukan semasa sebelum merdeka lagi, dan ia berterusan sehingga selepas merdeka. Perbincangan dan perbincangan berkenaan dengan Dasar Cheeseman merangkumi hal-hal latihan, perguruan, bahasa pengantar, yuran dan sebagainya. Dalam konteks bahasa pengantar, Racangan ini mengemukakan pendidikan percuma kepada sekolah rendah yang menggunakan bahasa ibunda.

Dalam konteks menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, terdapat dua golongan Melayu, iaitu golongan yang berpendidikan Melayu dan Barat. Golongan berpendidikan Barat mahu bahasa Inggeris digunakan, yang berpendidikan Melayu mahu bahasa Melayu digunakan. Begitu juga dengan kaum-kaum lain berasaskan bahasa Inggeris penting dalam sistem pendidikan di Malaya. Dengan itu, wujud satu Jawatankuasa Perhubungan Kaum 1949 yang terdiri daripada tiga kaum, iaitu Dato Onn (Melayu), Tan Cheng Lock (Cina) dan Thuraisingam (India). Melalui jawatankuasa ini, kata sepakat telah dicapai berkenaan bahasa Melayu, iaitu pengajaran subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris wajib di sekolah-sekolah rendah, dan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk mengajar bahasa-bahasa lain.

Antara peristiwa penting yang turut diketengahkan ialah pernyataan Dato Onn yang mewakili Umno, iaitu “Bahasa Inggeris ialah bahasa Asing di Malaya tetapi diterima keperluannya, - apatah lagi sekarang in kerana penggabungan Persekutuan dengan England dan negara-negara Commonwealth. Oleh itu, kita menerima keperluan bahasa Inggeris di ajar dengan bahasa Melayu. Masa depan penglibatan Melayu dalam industri, perniagaan dan perdagangan sangat berkait rapat dengan pendidikan dalam bahasa Inggeris.

(Fennell, 1968)

Seterusnya, dalam bab empat, penulis tersebut memberi tumpuan terhadap pelaksanaan dasar bahasa pengantar bahasa Melayu. Pelaksanaan dasar bahasa ini dihuraikan berdasarkan beberapa peringkat. Huraian beliau bermula dengan dasar bahasa pengantar pada tahun 1970-an – 1980-an. Menurut beliau, sebelum tahun 1970-an lagi, perancangan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah bermula. Pada dekad ini mula berlaku pertukaran secara beransur-ansur daripada sekolah bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu, sehingga pada tahun 1982, bahasa Melayu menjadi satu-satunya bahasa pengantar di sekolah bantuan kerajaan. Selain di sekolah, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar tunggal di universiti tercapai pada tahun 1983 apabila ia digunakan untuk semua kursus. Untuk memudahkan pemahaman

pembaca, penulis tersebut telah menyenaraikan kronologi pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam bentuk jadual (2015:138-140).

Huraian pelaksanaan dasar bahasa pengantar bahasa Melayu pada dekad 1990-an tidak terlalu banyak. Hal ini kerana pada dekad ini, tidak ada dasar bahasa yang digubal. Walaupun demikian, persoalan yang amat menarik berkaitan bahasa, pendidikan, pembangunan sumber manusia, dan agenda baharu kerajaan dalam politik dan ekonomi ialah peranan bahasa Inggeris dalam pembangunan Malaysia. Maksudnya ialah bahasa Inggeris mula dijadikan agenda utama dalam penggubalan struktur hierarki Malaysia. Pada dekad ini juga memperlihatkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pengajaran aliran Sains, khususnya dalam sistem pendidikan tinggi. Penulis tersebut menyentuh peranan yang dimainkan oleh Tun Dr. Mahathir dalam melaksanakan pengajaran aliran Sains dalam bahasa Inggeris.

Seterusnya, penulis tersebut memperincikan masalah-masalah dan cabaran pelaksanaan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan, di peringkat sekolah dan peringkat universiti. Pada peringkat awal, bahasa Melayu mengalami sedikit kesukaran kerana kekurangan istilah yang sesuai, khususnya istilah dalam ilmu-ilmu tinggi di universiti, seperti sains, teknologi, perubatan, undang-undang dan sebagainya. Terdapat masalah lain yang lebih besar yang diketengahkan dalam bab tersebut, antaranya ialah masalah dasar, masalah pentadbiran, masalah etnik, masalah politik, masalah paradigma penjajah, masalah ketidakpercayaan, masalah perpaduan, masalah pelajar, masalah kurikulum subjek sains, dan masalah guru. Beliau telah menghuraikan setiap perkara tersebut secara terperinci. Dalam ulasan ini, dua masalah utama akan dihuraikan secara ringkas.

Masalah dasar merujuk kepada matlamat dan objektif sesuatu dasar yang tidak jelas, pelaksanaan dasar yang sering tidak selari dengan matlamat dasar, kegagalan dalam memahami objektif akibat daripada dasar bahasa digubal oleh orang bukan bidang bahasa. Beliau memetik pandangan Milne dan Mauzy (1978) yang mengatakan bahawa sebelum tahun 1969, sistem Malaysia tidak jelas tentang bagaimana dan bila akan dilaksanakan prinsip untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pengajaran utama. Contohnya, dasar-dasar pendidikan seperti Akta Pendidikan 1961 dan akta-akta lain tidak mempunyai rangka masa dan bagaimana untuk melaksanakan dasar yang telah dibentuk.

Selain masalah dasar, masalah etnik juga menjadi masalah besar kerana ia merupakan perkara yang amat sensitif dan boleh menggugat perpaduan kaum di Malaysia. Penulis tersebut memetik pengumuman yang dibuat oleh Chinese Guide dan Assosiation of Malaysia 1985. Pengumuman tersebut memperlihatkan kebimbangan kaum Cina tentang dasar pendidikan dan dasar bahasa yang telah dibentuk. Salah satu isi pengumuman yang dimaksudkan ialah

1. Kami menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan untuk digunakan sebagai lingua franca masyarakat berbilang kaum. Walau bagaimanapun, status khas ini tidak sepatutnya digunakan sebagai asas untuk menguatkuasakan diskriminasi linguistik atau penerapan linguistik.

Bahasa-bahasa berbeza dalam kalangan rakyat sama tarafnya, kredibiliti dan diberikan penghormatan yang sama dan sepatutnya boleh diguna sama rata dalam semua aspek.

2. Kerajaan harus menarik balik dasar “satu bahasa satu sistem pendidikan” yang mempunyai kecenderungan asimilasi yang kuat. Kerajaan seharusnya melaksanakan dasar kurikulum yang sama, tetapi pelbagai bahasa pengantar yang lebih baik untuk suasana di Malaysia.

Inilah antara cabaran pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam usaha membentuk sebuah negara yang bersatu padu. Banyak lagi masalah lain yang dimuatkan dalam buku tersebut.

Dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dihuraikan secara terperinci dalam bab lima. Bab ini memperincikan isu yang cukup mencabar kedudukan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di Malaysia pada awal abad ke-21. Menurut beliau, dasar PPSMI diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir dan menurut Tun Dr. Mahathir, ia dilaksanakan atas dasar keperihatinan kerajaan terhadap pembangunan sumber manusia untuk mencapai taraf negara maju dan persiapan dari peringkat awal persekolahan untuk bersaing dalam era globalisasi. Pada pandangan Tun Dr. Mahathir, pelbagai inovasi dan penemuan baharu dalam bidang Sains dan Matematik telah berlaku dengan terlalu pantas dalam bahasa Inggeris. Tambahnya lagi, bahasa Inggeris telah menjadi bahasa antarabangsa. Oleh itu, negara memerlukan tenaga kerja yang mahir menggunakan bahasa Inggeris untuk lebih kompetitif di peringkat antarabangsa.

Sekali imbas, memang rasional pelaksanaan PPSMI itu cukup baik. Namun demikian kajian mendalam telah dilakukan dan memperlihatkan bahawa PPSMI gagal mencapai matlamatnya. Penulis tersebut menghuraikan pelbagai pihak yang melakukan penentangan terhadap dasar PPSMI. Antara yang terlibat dalam bantahan dan penentangan ini ialah golongan ahli politik, ahli akademik, ibu bapa, dan pelajar sendiri. Antara isu-isu yang diketengahkan oleh pihak penentang ialah kesukaran pelajar mengikuti pelajaran, penyesuaian guru-guru terhadap bahasa pengantar, kesan terhadap penguasaan pelajar terhadap bahasa ibunda, kesan terhadap prestasi akademik pelajar, dan peminggiran bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Bantahan ini dilakukan dengan mengemukakan pelbagai bukti kajian ilmiah oleh pertubuhan di dalam dan luar negara. Antara yang terlibat dengan bantahannya secara ilmiah ini ialah *Kajian Permuafakatan Badan Ilmiah Nasional (PEMBINA)*, kajian oleh *Trends In International Mathematics and Science Study (2007)*, kajian Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), *Memorandum oleh 11 Pertubuhan Pendidikan*, Bantahan golongan Sasterawan, Budayawan dan Cendekiawan. Pertubuhan-pertubuhan ini mengemukakan hasil kajian dan buah fikiran dalam menolak pelaksanaan PPSMI.

Tindakan undang-undang turut diambil dalam usaha membatalkan PPSMI. Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) mendakwa kerajaan di mahkamah kerana dasar PPSMI telah melanggar Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan akta lain. Selain tindakan undang-undang, gabungan ini turut merancang untuk mengadakan bantahan jalan raya yang digelar sebagai “Keranda 152” pada Februari 2009. Hasil daripada bantahan pelbagai pihak dan dalam pelbagai bentuk, kerajaan akur dan mengembalikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut. PPSMI diganti dengan satu dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris. Dasar ini diperkenalkan bagi mengembalikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan, bahasa ilmu dan bahasa pembinaan bangsa.

Penulis mengakhiri penulisan buku ini dengan bab yang bertajuk *Perjuangan Belum Selesai*. Hal ini bermakna, perjuangan bahasa Melayu di negara sendiri masih jauh. Masih banyak perkara yang perlu diselesaikan, khususnya tentang hubungan bahasa dengan perpaduan, kesedaran kebangsaan, kesedaran pembinaan negara bangsa dan sebagainya. Di paragraf terakhir buku tersebut, penulis membuat beberapa penegasan. Beliau menegaskan bahawa rakyat Malaysia tanpa mengira asal-usul mereka, tidak seharusnya bersikap jahil seperti rakyat Amerika yang menganggap penguasaan satu bahasa itu sebagai satu kebanggan. Kita perlu menguasai dan mahir pelbagai bahasa, dan dasar bahasa yang digubal seharusnya berdasarkan penyelesaian menang-menang. Akhir sekali, penulis menegaskan, seperti berikut “merujuk dasar bahasa sebagai bahasa pengantar di Malaysia, dan dikotomi nasionalis dan nasionis fungsi bahasa yang dikemukakan oleh Fishman tidak relevan dan mengelirukan dalam membina ketamadunan negara bangsa. Persoalannya ialah bila lagi kita hendak membina tamadun Malaysia sendiri jika semua perkara kita masih meniru budaya dan cara hidup orang. Bangsa sendiri seperti ini tidak akan maju dan akan terus menjadi hamda penjajah.

Dari segi kandungan, buku ini amat sesuai untuk semua lapisan masyarakat Malaysia. Ia telah memberikan penjelasan yang menyeluruh tentang sejarah penggunaan bahasa dalam sistem pendidikan di Malaysia bermula daripada zaman penjajahan hingga zaman globalisasi. Ia memberikan gambaran yang menyeluruh tentang cabaran dan halangan untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan kaum di Malaysia. Selain itu, buku ini juga membetulkan persepsi tentang peranan bahasa Melayu sebagai agen pembangunan dan perpaduan kaum di Malaysia. Dari aspek penulisan, penulis menggunakan bahasa yang mudah difahami. Susunan bab yang teratur dan terperinci.

ABD GANING LAENKANG

Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan,
Pusat Pengajian Teras,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.